

UMS jalin kerjasama dengan tiga universiti dari China

UB 04.08.2023 P.03

KOTA KINABALU:

Universiti Malaysia Sabah (UMS) memeterai kerjasama dengan Universiti Beihua, Universiti Sains dan Teknologi Pertanian Jilin, dan Institut Teknologi Kimia Jilin dari China baru-baru ini.

Pada majlis menandatangani Surat Niat (LoI) itu, UMS diwakili oleh Naib Canselor UMS Prof. Datuk Dr. Kasim Mansor manakala, Universiti Sains dan Teknologi Pertanian Jilin diwakili oleh presidennya, Li Qiyu.

Sementara itu, Universiti Beihua diwakili oleh Naib Presiden Shin Junyou dan Profesor Lifeng Cai mewakili Institut Teknologi Kimia Jilin.

Kasim berkata, kerjasama itu adalah usaha kolektif dalam memajukan pengetahuan dan menangani cabaran global yang memberi kesan kepada kita semua.

“Dengan menggabungkan kepakaran dan sumber, kita mampu menghadapi isu yang kompleks, mencipta penyelesaian yang inovatif dan memberi kesan yang bermakna kepada masyarakat,” katanya ketika berucap pada sesi lawatan



DELEGASI: Kasim (tengah) bersama delegasi dari wilayah Jilin China.

delegasi wilayah Jilin ke UMS.

Kasim berkata, kolaborasi ini bukan sahaja memperkayakan komuniti akademik tetapi juga menyumbang kepada kemajuan ilmu yang lebih besar pada skala global.

“Melalui pakatan yang bermakna inilah kita dapat memupuk generasi penyelidik dan pemimpin berbakat yang akan membentuk masa depan

dengan semangat dan dedikasi mereka,” katanya.

Beliau turut menyampaikan penghargaan kepada Kerajaan Negeri Sabah kerana memberikan UMS peluang luar biasa untuk menjadi tuan rumah kepada delegasi terhormat ini.

“Sokongan dan dorongan daripada kerajaan negeri yang tidak berbelah bahagi memainkan peranan penting dalam menjayakan acara ini,

dan kami benar-benar terharu dengan komitmen mereka untuk mempromosikan pendidikan dan penyelidikan di rantau ini,” katanya.

Turut hadir, Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa UMS Prof. Dr. Shahril Yusof; Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi UMS Prof. Dr. Rosalam Sabartly dan Pendaftar UMS Luqman Ridha Anwar.